



# IKHLAS MEDIC ASSIST TAKAFUL

Walaupun kejadian penyakit serius dan penyakit yang mengancam nyawa semakin meningkat namun kebanyakan dari kita masih lagi berfikir bahawa “Tanya tidak akan berlaku kepada saya”. Walaupun seseorang itu tidak pernah mengidap penyakit teruk dan mengamalkan gaya hidup yang sihat, ia tidak menjamin mereka akan sentiasa sihat. Pemikiran yang sebegini menjadikan ramai diantara kita tidak bersedia dalam menghadapi sebarang kemungkinan.

Bil hospital yang semakin meningkat adalah satu fakta yang diketahui ramai masa kini. Pembedahan kecil kadangkala memerlukan sehingga puluhan ribu ringgit. Jika anda tidak bersedia, kos ini akan menyebabkan anda berhutang. Tidak seorang pun yang perlu menghadapi keadaan ini.

Dengan adanya **IKHLAS Medic Assist Takaful**, anda tidak perlu risau akan kos rawatan hospital dan hanya perlu untuk pulih. Dari hanya 80 sen sehari, anda boleh memperolehi Takaful Perubatan dan komprehensif dan yang memberikan anda lebih banyak faedah dan had perlindungan yang lebih tinggi.

## APAKAH MANFAAT YANG DITAWARKAN OLEH IKHLAS MEDIC ASSIST TAKAFUL ?

**Ikhlas Medic Assist Takaful** menawarkan 5 (lima) pelan penghospitalan dan pembedahan yang komprehensif dengan kos yang berpatutan

Keterangan Manfaat (Ringgit Malaysia)		Pelan				
		A	B	C	D	E
<b>Seksyen A</b>						
1	Bilik Hospital & Makan, Maksimum harian sehingga 365 hari	450	300	220	150	100
2	Unit Rawatan Rapi maksimum harian sehingga 30 hari	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada bayaran yang diperlukan, munasabah dan biasa diamalkan				
3	Bekalan & Khidmat Hospital					
4	Bayaran Pembedahan, termasuk penjagaanselepas pembedahan sehingga 31 hari					
5	Bayaran Pakar Bius					
6	Bilik Bedah					
7	Rundingan Pakar Pra-hospital dalam masa 31 hari sebelum kemasukan					
8	Ujian Diagnostik Pra-hospital dalam jangkamasa 31 hari sebelum kemasukan					
9	Rundingan Pakar & Diagnostik Pra pembedahan, dalam masa 31 hari sebelum pembedahan					
10	Lawatan Pakar Perubatan maksimum harian sehingga 120 hari					



# IKHLAS MEDIC ASSIST TAKAFUL

Keterangan Manfaat (Ringgit Malaysia)		Pelan				
		A	B	C	D	E
<b>Seksyen A</b>						
11	Rawatan selepas Penghospitalan, dalam jangka masa 60 hari selepas tarikh keluar hospital	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada bayaran yang diperlukan, munasabah dan biasa diamalkan				
12.	Bayaran Ambulan					
13.	Rawatan Pesakit Luar bagi kemalangan dan kecemasan, bagi setiap kemalangan termasuk rawatan susulan 31 hari					
14.	Rawatan Kecemasan Pergiian, bagi setiap kemalangan termasuk rawatan susulan 31 hari					
15.	Rawatan Perubatan Tradisional	200	200	200	200	200
16.	Elaun tunai harian di hospital kerajaan, maksimum harian sehingga 60 hari	100	100	100	100	100
17.	Penjagaan di rumah, maksimum harian sehingga 60 hari	200	175	150	125	100
18.	Perbelanjaan tempat tinggal (maksimum setiap hilang upaya)	400	300	250	200	150
19	Yuran Lapuran perubatan, setiap hilang upaya	50	50	50	50	50
20	Cukai servis kerajaan	Dilindungi				
<b>Had Tahunan Keseluruhan</b>		<b>100,000</b>	<b>80,000</b>	<b>60,000</b>	<b>40,000</b>	<b>30,000</b>
<b>Seksyen B : (Tambahan kepada Had Tahunan Keseluruhan)</b>						
1.	Transplan Organ, setiap hilang upaya	30,000	30,000	30,000	30,000	30,000
2.	Rawatan Kanser Pesakit Luar, setahun	60,000	50,000	40,000	30,000	20,000
3	Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar, setahun	30,000	25,000	20,000	15,000	10,000
<b>Had jangka Hayat (Sek A &amp; B)</b>		<b>400,000</b>	<b>300,000</b>	<b>210,000</b>	<b>150,000</b>	<b>90,000</b>

## JADUAL SUMBANGAN

Umur Pada Harijadi Berikut	Pelan				
	A	B	C	D	E
30 hari – 18 tahun	575	445	361	298	257
19 tahun – 25 tahun	735	555	444	330	293
26 tahun – 30 tahun	805	615	475	351	309
31 tahun – 35 tahun	825	625	485	361	319
36 tahun – 40 tahun	1,035	780	600	430	365
41 tahun – 45 tahun	1,095	825	835	455	385
46 tahun – 50 tahun	1,830	1,470	1,045	735	630
51 tahun – 55 tahun	2,155	1,815	1,225	865	675
56 tahun – 60 tahun	3,005	2,245	1,685	1,185	925
61 tahun – 65 tahun	3,775	2,805	2,135	1,495	1,155
66 tahun – 70 tahun	5,015	3,765	2,855	2,005	1,589

Nota :

*Kadar Sumbangan Tahunan adalah untuk orang yang sihat sahaja. Sumbangan tambahan mungkin dikenakan kepada orang yang tidak sihat. Setiap sivil tertakluk kepada duti stem sebanyak RM10.00*



# IKHLAS MEDIC ASSIST TAKAFUL

## MENGAPA IKHLAS MEDIC ASSIST TAKAFUL ?

- 1. Kad Bantuan Kemasukan Hospital (HAA)**  
Bagi panel hospital yang diluluskan – untuk kemudahan tuntutan
- 2. Perlindungan Komprehensif**  
Perlindungan ini memberi rawatan yang diperlukan yang akan dibayar mengikut caj yang berpatutan dan diterima umum di lokasi dimana anda menerima rawatan
- 3. Pembaharuan Sehingga Umur 70 tahun**  
Sijil diperbaharui diatas keputusan peserta. Pihak Takaful Ikhlas tidak boleh menolak pembaharuan sijil dan tidak boleh menambah kepada pengecualian di dalam sijil pada masa pembaharuan. Tertakluk pada terma & syarat seperti yang tertera di dalam sijil kontrak. Akan tetapi, sijil ini boleh ditarik balik dari pasaran mengikut syarat Penarikan Balik Portfolio
- 4. Pengiraan Sumbangan Secara Berkelompok**  
Sumbangan Takaful adalah tidak dijamin, Akan tetapi, kenaikan kadar sumbangan adalah secara berkelompok dan perlu diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Ini bermaksud, mereka yang telah membuat tuntutan ke atas sijil tidak akan dikenakan sumbangan yang lebih daripada mereka yang lain
- 5. Tiada Had Tuntutan Setiap Hilang Upaya**  
Selain daripada had Tahunan Keseluruhan dan Had Jangka Hayat, tiada had lain yang dikenakan ke atas jumlah tuntutan untuk setiap hilang upaya
- 6. Kadar Sumbangan Uniseks**  
Sumbangan Takaful dikira mengikut umur dan tidak ada perbezaan diantara untuk lelaki dan wanita

- 7. Sumbangan Yang Dikenakan**  
Sumbangan adalah berdasarkan umur pada harijadi yang akan datang dan dicarum setiap tahun pada kadar yang ditentukan semasa pembaharuan. Sumbangan adalah untuk orang yang sihat sahaja dan sumbangan tambahan dicaj kepada orang yang kurang sihat. Sumbangan tidak dijamin dan tertakluk kepada perubahan
- 8. Permohonan yang mudah**  
Permohonan adalah sangat mudah. Sesiapa yang berumur diantara 19 hingga 60 tahun layak memohon. Sijil ini boleh dilanjutkan kepada anak-anak tanggungan anda yang berumur dari 30 hari hingga 19 tahun (sehingga umur 23 tahun jika pelajar sepenuh masa)

## MENGAPA TAKAFUL IKHLAS

Takaful Ikhlas Sdn Bhd (Takaful IKLAS) adalah anak syarikat MNRB Holdings Bhd. Operasi perniagaan kami adalah berlandaskan prinsip Syariah. Kami turut memberi keutamaan dalam memastikan agar semua urusan kami adalah berasaskan kesaksamaan dan keadilan. Kami percaya kepada falsafah “**memudah urusan perniagaan**” kepada rakan perniagaan kami yang paling utama – **pelanggan kami**

Kami mengguna-pakai kontrak Tabaru’, dimana peserta bersetuju menderma peratusan yang telah ditentukan daripada sumbangan kepada dana risiko untuk membantu peserta lain.

Model Wakalah (Model Takaful IKHLAS) kami memastikan peserta mendapat manfaat daripada keuntungan pelaburan dan lebihan dalam dana risiko



# IKHLAS MEDIC ASSIST TAKAFUL

## PENGECUALIAN

- 1 Tempoh menunggu 30 hari, kecuali bagi kecederaan yang berpunca dari kemalangan
- 2 Penyakit sedia ada dikecualikan
- 3 Pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomi radial atau lasik) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya
- 4 Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Takaful
- 5 Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Komplikasi Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia) dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh Undang-undang
- 6 Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan
- 7 Kehamilan, melahirkan anak (Termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan sebelum dan selepas bersalin, kaedah kawalan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuaburan, disfungsi erektil dan ujian rawatan berkaitan impotent atau pensterilan
- 8 Penghospialan trutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi yang tidak perlu dari segi perubatan atau apa-apa rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan
- 9 Bunuh diri, perbuatan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman
- 10 Perang atau apa-apa tindakan perang, diistiharkan atau tidak diistiharkan, aktiviti jenayah atau penganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera
- 11 Pengionan radiasi atau pencemaran melalui radio aktiviti daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada apa-apa bahan senjata nuklear
- 12 Belanja yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh oleh peserta dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplant organ dan komplikasinya
- 13 Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi pengantian hormon dan terapi pilihan seperti rawatan, khidmat atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropraktik, akupunktur, akutekanan, refleksilogi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, urut atau terapi aroma atau pilihan yang lain
- 14 Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang ia dibayar oleh mana-mana insuran lain atau tanggung rugi yang melindungi peserta dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja



# IKHLAS MEDIC ASSIST TAKAFUL

- 15 Psikotik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya)
- 16 Kos/belanja bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan seperti televisyen, telefon, khidmat teleks, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan yang lain yang tidak layak
- 17 Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan merbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjunan udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan musim sejuk, sukan professional dan aktiviti yang tidak dibenarkan
- 18 Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersil berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan
- 19 Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina

## NOTA PENTING

- 1 Anda perlu menyakinkan diri anda bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dan sebaliknya dan bahawa sumbangan yang perlu dibuat dibawah pelan ini merupakan amaun yang mampu anda carum
- 2 Ini ialah sebuah pelan kesihatan individu yang perlu diperbaharui setiap tahun tanpa penyertaan dalam untung syarikat
- 3 Peserta diberikan tempoh bertenang selama 15 hari daripada tarikh penghantaran pelan bagi mengkaji semula kesesuaian pelan yang baru disertai. Pemotongan keatas prbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan akan dibuat daripada sumbangan yang dibuat
- 4 Brosur ini adalah sebagai maklumat am sahaja. Ia bukan kontrak Takaful. Syarat-syarat tidak dinyatakan secara terperinci. Sila rujuk kepada Kontrak Sijil Perakuan untuk butiran tentang ciri-ciri penting sijil perakuan

Jika terdapat apa-apa percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

## UNTUK KETERANGAN LANJUT

Hubungi : Nurul Shazita Sulaiman  
Wakil Takaful Am – Takaful Ikhlas Sdn Bhd

No Tel : 012-3700464  
Email : [nurul@takaful.com.my](mailto:nurul@takaful.com.my)